



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2020

LAPORAN TAHUNAN

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR PENYELIDIKAN & INOVASI



EDITORIAL

KETUA EDITORIAL

PROF. Ts. Dr. ARHAM BIN ABDULLAH

EDITOR

Prof. IR. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman
Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad
Prof. Madya Ir. Dr. Julie Juliewatty Binti Mohamed
Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail
Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail
Dr. Adams Adeiza
Dr. Abdul Hafidz Bin Yusoff
Dr. Mohd Asrul Hery Bin Ibrahim
Dr. Muhammad Akmal Bin Remli
Dr. Shah Iskandar Fahmie Bin Ramlee
Dr. Anis Amira Binti Ab Rahman
Dr. Maryana Binti Mohamad Nor
Dr. Ch'ng Huck Ywih
Encik Mohd Aswawi Bin Isa

EDITOR BERSEKUTU

Puan Siti Aisah Binti Yusop
Puan Alifah Binti Adnan
Encik Muhamad Hafizuddin Bin Mat Nawi
Encik Mohd Adli Bin Ismail
Encik Mohamad Sa'arani Bin Mhd Zin
Encik Ahmad Shazry Bin Supi
Encik Tuan Mohd Nizam Bin Tuan Mustapa
Puan Nur Athirah Binti Mat Yusoff
Puan Puteri Nurainul Bismi Binti Jondi
Puan Nur Rosamimie Farisa Binti Mohd Roslan
Puan Nor Syafawati Binti Abd Rahman
Cik Wan Nurhayati Binti Wan Yusoff
Puan Siti Zaharah Binti Arifin
Dr Nurraihana Binti Hamzah

FOTOGRAFI

En. Mohamad Fairul Hisyam Bin Sabari

PEREKA

Mohd Faris bin Fauzi

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2021

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakamandan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

Diterbitkan oleh:
Penerbit UMK
Universiti Malaysia Kelantan

Dengan Kerjasama:
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Bachok,
16300 Bachok, Kelantan.

TERIMA KASIH YANG TAK TERHINGGA

di atas penghargaan yang diberikan dan jutaan terima kasih kepada semua yang memberi idea dan sumbangan serta memberi kerjasama yang penuh dalam menjayakan buku ini. Semoga ianya menjadi kenangan indah dan menjadi inspirasi kepada semua.



KANDUNGAN

▼	BAB 1	Organisasi	01
▼	BAB 2	Tadbir Urus & Kewangan	29
▼	BAB 3	Penyelidikan, Penerbitan & Harta Intelekt	45
▼	BAB 4	Jaringan Kerjasama Industri	123
▼	BAB 5	Keusahawanan	129
▼	BAB 6	Agro Techno Park	167
▼	BAB 7	Creative Techno Park	183
▼	BAB 8	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan	191


“

“LET’S FLY
TOGETHER”

PROF. DATO’ TS. DR.
NOOR AZIZI BIN ISMAIL
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan

”





Humanising RICE @ UMK

PROF. TS. DR. ARHAM BIN ABDULLAH
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan



ORGANISASI



BAB 1

IFSSA

Institut Penyelidikan
Jaminan Makanan Dan
Pertanian Lestari

InsPeK

Institut Penyelidikan
dan Pengurusan
Kemiskinan

GERIC

Pusat Penyelidikan
Keusahawanan dan
Inovasi Global

AIBIG

Institut Kepintaran
Buatan Dan Data Raya

PUSAT KECEMERLANGAN**INSTITUT DAN PUSAT****RMIC**

Pusat Pengurusan
Penyelidikan Dan
Inovasi

CUIC

Pusat Jaringan
Industri Universiti

ATP/CTP

Agro Techno Park /
Creative Techno Park

UMKEI

Institut Keusahawanan
UMK (CEED, GERIC, ISME)

VISI

Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial yang tinggi bagi tujuan pemindahan teknologi, penjanaaan pendapatan, ejen pembangunan dalam negara dan antarabangsa serta peningkatan keusahawanan.

MISI

Memacu Universiti ke arah kecemerlangan dalam usaha pengkomersialan hasil penyelidikan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



PENGGOMERSIALAN PRODUK PENYELIDIKAN

Memacu Universiti ke arah kecemerlangan dalam usaha pengkomersialan hasil penyelidikan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa



PENGHASILAN PENYELIDIKAN

Menghasilkan penyelidikan yang berkemahiran tinggi dan graduan yang kreatif dan inovatif dalam penyelidikan



KLUSTER PENYELIDIKAN

Memberi tumpuan kepada kluster/nic penyelidikan yang akan menjadi simbol keutuhan penyelidikan di UMK



KEUSAHAWANAN PENYELIDIKAN

mengukuhkan visi penyelidikan dan inovasi berpacuan keusahawanan



PENGHASILAN TEKNOLOGI DAN INOVASI BARU

Melaksanakan penyelidikan baru, relevan dan berimpak untuk pembangunan sosioekonomi



FOKUS AGENDA PENYELIDIKAN NEGARA

Melangkah agenda yang digariskan dalam agenda penyelidikan negara

PIAGAM PELANGGAN


PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

- ▶ Mengamalkan budaya perkhidmatan pengurusan penyelidikan yang berkualiti, cekap, dan amanah melalui sistem penyampaian yang teratur dan berkesan
- ▶ Membangun bakat penyelidikan yang profesional dan berkualiti yang mampu mencemerlangkan Universiti menjadi pusat penyelidikan yang bernilai komersial
- ▶ Meningkatkan kualiti dan aktiviti penyelidikan universiti yang mengukuhkan tujahan keusahawanan
- ▶ Memberi khidmat nasihat dan memudahkan hasil penyelidikan untuk pengkomersialan dan perlindungan harta intelek
- ▶ Menghasilkan penyelidikan yang relevan kepada komuniti dan industri serta mengukuhkan hubungan dengan pemegang taruh.

R.I.C.E

ECOSYSTEM


Office of Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)



Deputy Dean Research & Innovation
A.G.E.N.T of Change
Actively Generating Exceptional New Thinking

Office of Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)

**STRUKTUR ORGANISASI PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)**



PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)





PUAN SITI AISAH BINTI YUSOP
PENOLONG PENDAFTAR KANAN



**ENCIK MOHAMAD FAIRUL
HISYAM BIN SABARI**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**ENCIK MUHAMAD HAFIZUDDIN
BIN MAT NAWI**
PENOLONG PENDAFTAR



**ENCIK MOHAMAD IZWAN
BIN YAAKUB**
PEMBANTU OPERASI



**PUAN SHARIFAH DUHAJJA
BINTI SYED JAFFAR**
SETIAUSAHA PEJABAT



ENCIK MOHD AGUS BIN JUSOH
PEMANDU KENDERAAN



**PUAN NOR ANIDA
BINTI YUSOFF**
PEMBANTU TADBIR (P/O)
KANAN

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (RMIC)





**PROF. IR. TS. DR. AHMAD ZIAD
BIN SULAIMAN**
PENGARAH KANAN



PUAN EIAP COON CHOON
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**DR. MOHD ASRUL HERY
BIN IBRAHIM**
PENGARAH,
BAHAGIAN PENERBITAN DAN
PENARAFAN (PRD)



**ENCIK MOHD FAISAL
BIN MOHD AZALAN**
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**PROF. MADYA IR. DR. JULIE
JULIEWATTY BINTI MOHAMED**
PENGARAH,
BAHAGIAN KOMERSIALAN DAN
HARTA INTELEK (ICD)



**ENCIK SYED AHMAD AFIQ
HASIF BIN SYED AB RAHMAN**
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



DR. ABDUL HAFIDZ BIN YUSOFF
PENGARAH,
BAHAGIAN PENGURUSAN
PENYELIDIKAN (RMD)



**ENCIK NOR MUHAMMAD
IKRAM BIN YAACOB**
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**PUAN NUR ATHIRAH
BINTI MAT YUSOFF**
PENOLONG PENDAFTAR



**CIK NORAZWANIS AIDA
BINTI FAUZI**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



PUAN NUR DIYANA BINTI SHAFIE
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN CHE AZLINDA
BINTI CHE PA**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN SUHAILA BINTI
ABD MANAN**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN NOOR HAZWANI
BINTI HASANUD-DIN**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**ENCIK MUHAMMAD HAFIZ
BIN MOHD YANI**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**CIK NURWAHIDA
BINTI IBRAHIM**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN NOORAIDA FAZIELA
BINTI AHMAD AMIN**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



PUAN FARAH BINTI ARIFFIN
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**ENCIK KHAIRUL AZHAN
BIN ZAKRI**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**CIK NURUL AIN NABILA
BINTI MD. RASDI**
PEMBANTU TADBIR (P/O)

PUSAT JARINGAN INDUSTRI UNIVERSITI (CUIC)





**DR. SHAH ISKANDAR FAHMIE
BIN RAMLEE**

PENGARAH PUSAT JARINGAN
INDUSTRI UNIVERSITI (CUIC)



**ENCIK MOHD ADLI
BIN ISMAIL**

PENOLONG PENDAFTAR



**PUAN TUAN ZAWINAH
BINTI RAJA HAMAT**

PEMBANTU TADBIR (P/O) KANAN



**PUAN NUR NADIA ATIQA
BINTI IZLI**

PEMBANTU TADBIR (P/O)

INSTITUT KEUSAHAWANAN UMK (UMKEI)





**PROF. DR. NIK MAHERAN
BINTI NIK MUHAMMAD**
PENGARAH KANAN



**PUAN HASMA NOOR LINA BINTI
MOHD HUSSAIN**
SETIAUSAHA PEJABAT



**PROF. MADYA DR.
MOHAMMAD BIN ISMAIL**
PENGARAH,
PUSAT PEMBANGUNAN DAN
PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN



**PUAN ZULFATIHAS BINTI
MOHD ZIN**
PENOLONG PEGAWAI
TADBIR



**DR. ANIS AMIRA BINTI AB
RAHMAN**
PENGARAH,
INSTITUT PERUSAHAAN KECIL
DAN SEDERHANA



**PUAN NUR ISMIDAR BINTI
IDRIS**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



PUAN ALIFAH BINTI ADNAN
TIMBALAN PENDAFTAR



**PUAN NIK EMI ROSYAIDA
BINTI RAJA NIK LAH**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**PUAN PUTERI NURAINUL BISMI
BINTI JONDI**
PENOLONG PENDAFTAR

AGRO TECHNO PARK (ATP)





DR. CH'NG HUCK YWIH
PENGARAH



**ENCIK HILMAN HAMIDI
BIN WAHID**
PENOLONG PEGAWAI
PERTANIAN



**ENCIK AHMAD SHAZRY
BIN SUPI**
PEGAWAI PERTANIAN KANAN



**ENCIK KAMARULZAMAN
BIN SALAN**
PENOLONG PEGAWAI
PERTANIAN



**ENCIK MOHAMAD SA'ARANI
BIN MHD ZIN**
PEGAWAI PERTANIAN

CREATIVE TECHNO PARK (CTP)





ENCIK MOHD ASWAWI BIN ISA
PENGARAH



PROF. MADYA DR. WAN MOHD FAIZAL BIN WAN ISHAK
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



PUAN SITI ZAHARAH BINTI ARIFIN
PEMBANTU TADBIR (P/O)

PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (COE)

PUSAT PENYELIDIKAN KEUSAHAWANAN DAN INOVASI GLOBAL (GERIC)





DR. ADAMS ADEIZA
PENGARAH



**PUAN NOR SYAFAWATI
BINTI ABD RAHMAN**
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**DR. WAN MOHD NAZDROL
BIN WAN MOHD NASIR**
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**CIK NOOR HAZIRAH
BINTI CHE HASAN**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**DR. JAYARAJ VIJAYA
KUMARAN**
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**PUAN CHE ROSIDAH
BINTI CHE DAUD**
PEMBANTU TADBIR (P/O)

INSTITUT PENYELIDIKAN JAMINAN MAKANAN DAN PERTANIAN LESTARI (IFSSA)





**TS. DR. MARYANA BINTI
MOHAMAD NOR**
PENGARAH



**PUAN SITI ZUBAIDAH
BINTI HAMZAH**
PENOLONG PEGAWAI
PENYELIDIK



**TS. DR. SUGANTHI
A/P APPALASAMY**
FELO PENYELIDIK BERSEKUTU



**ENCIK MOHD HAFIZI
BIN MOHD ZAIN**
PEMBANTU TAMAN / LADANG



**CIK WAN NURHAYATI
BINTI WAN YUSOFF**
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**PUAN NURFATIAH BINTI
MOHD NASIR**
PEMBANTU TADBIR (P/O)

INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN KEMISKINAN (InsPeK)





**PROF. MADYA DR. WAN
AHMAD AMIR ZAL
BIN WAN ISMAIL**

PENGARAH



ENCIK HAFIZI BIN MAT SALLEH

PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL



**PROF. MADYA DR. AZWAN
BIN ABDULLAH**

**KETUA BAHAGIAN JARINGAN
DAN DATA RAYA**



**PUAN NUR ROSAMIMIE
FARISA BINTI MOHD ROSLAN**

PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**DR. NURHANAN
BINTI ABDUL RAHMAN**

**KETUA BAHAGIAN
PERKHIDMATAN & AKADEMIK**



**CIK NUR SYAFIKA AMIRA
BINTI SHAARI**

PEMBANTU TADBIR (P/O)



**DR. TENGKU FAUZAN BINTI
TENGKU ANUAR**

**KETUA BAHAGIAN
PENYELIDIKAN**



**PUAN SITI NAJWA
BINTI CHE HASIM**

PEMBANTU TADBIR (P/O)



SITI ASMA BINTI MD RASDI

PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL

INSTITUT KEPINTARAN BUATAN DAN DATA RAYA (AIBIG)





**DR. MUHAMMAD
AKMAL BIN REPLI**
PENGARAH



**ENCIK TUAN MOHD NIZAM
BIN TUAN MUSTAPA**
PENOLONG PENDAFTAR
KANAN



**DR. HASIYAH KARIMAH
BINTI ADLI**
FELO PENYELIDIK
BERSEKUTU



**PUAN NOR AKMA SHATILLA
BINTI CHE AB HAMID**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**ENCIK KHAIRUL NIZAR
SYAZWAN BIN WAN
SALIHIN WONG**
FELO PENYELIDIK
BERSEKUTU



**ENCIK MOHAMAD
AZANIZAM BIN ALWI**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



TADBIR URUS & KEWANGAN



BAB 2

HALATUJU PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



Bagi memastikan pencapaian Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) pada tahun 2020, Bengkel Hala Tuju Pejabat TNCPi telah diadakan pada 25 sehingga 27 Februari 2020 bertempat di Duyong Marina & Resort, Terengganu melibatkan seramai 56 orang staf dari setiap pusat/bahagian. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah berfokuskan penyediaan sasaran KPI tahun 2020 yang perlu dicapai oleh setiap bahagian/ pusat/ unit dalam Pejabat TNCPi bagi meningkatkan pencapaian dan kebolehpasaran serta memantapkan lagi penyelidikan dan inovasi universiti untuk berdaya saing dan aktif.



TNCPI CAMPUS TOUR 2020



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah menganjurkan TNCPI Campus Tour 2020 di semua kampus. TNCPI Campus Tour 2020 ini adalah satu program jelajah Pejabat TNCPI ke semua kampus untuk bertemu dengan semua akademik dan penyelidik Universiti Malaysia Kelantan. Tujuan utama program ini dianjurkan adalah untuk lebih dekat dengan staf akademik dan

penyelidik UMK disamping dapat menyampaikan hasrat serta inisiatif-inisiatif baharu yang telah diwujudkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) pada tahun 2019 dan 2020 dalam memartabatkan penyelidikan dan inovasi di UMK.



LAPORAN PENCAPAIAN KPI

PETUNJUK PRESTASI JANUARI – DISEMBER 2020

9

KPI PEJABAT TNCPI

1 KPI

MINISTER PERFORMANCE INDEX (MPI)

1. Pengiraan nisbah kumulatif sitasi

4 KPI

1. Bilangan produk penyelidikan dikomersialkan
2. Peraturan Penyelidikan Utama (PI) dalam geran penyelidikan
3. Bilangan pingat Emas / Khas dimenangi dalam pertandingan inovasi
4. Bilangan penerbitan artikel dalam jurnal dan prosiding berindeks WoS/SCOPUS

4 KPI

KEUSAHAWANAN

1. Bilangan pelajar mendapat pendedahan keusahawanan
2. Bilangan graduan menceburi bidang keusahawanan
3. Peratusan kepakaran tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan
4. Bilangan pelajar menjalani perniagaan

KPI MINISTRY PERFORMANCE INDEX (MPI)

AKTIVITI (KPI)	2020		Q1	Q2	Q3	Q4	CATATAN Q4
	SASAR						
	KPT	UMK	CAPAI	CAPAI	CAPAI	CAPAI	
Pengiraan nisbah kumulatif sitasi	5	7	6.37 (2,300)	7.48 (2,700)	9.54 (3,300)	11.01 (3,778)	<p>Bilangan sitasi 3778 dan jumlah staf akademik (Glosari MyrA) adalah 343 (data sehingga 10 Januari 2021)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Data bagi Q1 – Q3 adalah mengikut staf akademik yang aktif seramai 346 orang. • Data Q4 adalah seramai 343 staf akademik aktif

KPI OUTCOME-BASED BUDGET (0BB)

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2020		Q1	Q2	Q3	Q4	CATATAN Q4
	SASAR						
	KPT	UMK	CAPAI	CAPAI	CAPAI	CAPAI	
Bilangan produk penyelidikan di-komersialkan	3	5	0	5	6	6	Produk IFSSA, Produk InsPeK, UMK-Viss, Cuka, Kambing (Fiat) ,UMK Care Kits (Face Shield, PPE Suit, Incubator Box)
Peratusan penyelidik utama (PI) dalam geran penyelidikan	65%	65%	50.1% (181)	34.1% (123)	54% (187)	79.6% (273)	<p>Jumlah PI adalah 273 daripada 343 akademik aktif. Jumlah ini mengambil kira geran FRGS 2020 KPT serta geran dalaman</p> <p>universiti, UMK-PRO, UMK-SIR.</p> <ul style="list-style-type: none"> Data bagi Q1 – Q3 adalah mengikut staf akademik yang aktif seramai 346 orang. Data Q4 adalah seramai 343 staf akademik aktif. Cut-off date data adalah 31 Disember 2020.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	2020		Q1	Q2	Q3	Q4	CATATAN Q4
	SASAR						
	KPT	UMK	CAPAI	CAPAI	CAPAI	CAPAI	
Bilangan pingat emas / khas dimenangi dalam pertandingan inovasi	15	30	66	7	22	57	<p>Telah dicapai menerusi pertandingan seperti MTE Special, ITEX 2020, BIF, RISE, UMS dan NICERS.</p> <p>Penambahan 2 pingat emas dicapai menerusi PEREKA,UMS yang diumumkan pada 21 Januari 2021</p>
Bilangan penerbitan artikel dalam jurnal dan prosiding berindeks WoS/ SCOPUS	300	400	71	134	253	492	<p>Pada 16 Februari 2021, pihak PRD telah membuat semakan di laman sesawang Scopus dan Web Of Science serta mendapat pandangan dari setiap fakulti mengenai bilangan penerbitan berindeks, ada pertambahan bilangan artikel yang di indeks dalam pangkalan data bagi tahun 2020. Oleh sebab itu, ada perubahan bilangan artikel yang telah dihantar sebelum ini dari 450 kepada 492 artikel.</p>

KPI KEUSAHAWANAN

AKTIVITI (KPI)	2020		Q1	Q2	Q3	Q4
	SASAR					
	KPT	UMK	CAPAI	CAPAI	CAPAI	CAPAI
Bilangan pelajar mendapat pendedahan keusahawanan semasa pengajian	100%	100% daripada jumlah enrolmen semasa	9140	9033 (100%)	9077 (100%)	10259 (100%)
Bilangan graduan menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	5%	10% daripada jumlah graduan setiap tahun	266	266 (12.97%)	Belum ada rekod	279 (14.8%)
Bilangan pelajar menjalani perniagaan semasa pengajian	15%	15% daripada jumlah enrolmen semasa	778	900 (10%)	911 (10%)	15.6% (1424 orang)
Bilangan kepakaran tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan	40	15% daripada jumlah staf akademik	84	84 (23.3%)	84 (23.3%)	90 (24.7)



ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR 2019 (AKNC 2019)

Tahun 2020, buat julung-julung kalinya Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC 2019) bagi kategori Pusat Tanggungjawab Bukan Akademik dibawah kepimpinan Y.Bhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

- ◆ Disamping itu juga seramai tiga (3) orang staf dibawah Pejabat TNCPI menerima Anugerah Gemilang Universiti (AGU) manakala seramai enam (6) orang staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2019.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merakamkan setinggi-tinggi tahniah diatas kejayaan yang telah dicapai kepada semua staf tersebut. Diharapkan kejayaan ini akan menjadi motivasi bagi meningkatkan prestasi kerja untuk terus cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan lenih komited. Dengan kejayaan ini akan dapat memberi suntikan semangat baharu kepada semua staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk terus berusaha dan berganding bahu dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan dan terus cemerlang pada masa akan datang.




PENGURUSAN PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



PEMARKAHAN



AUDIT FAIL DAN PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA BAGI TEMPOH 2017 - 2020

TAHNAH KEPADA SELURUH WARGA
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

2020
92 %

TEMPAT KE-3

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) amat komited dan menitikberatkan isu-isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja. Peningkatan dalam markah dalam audit fail dan pemeriksaan tempat kerja dari tahun 2017 hingga 2020 amat membanggakan. Pejabat TNCPi juga mendapat tempat ke – 3 keseluruhan UMK bagi tahun 2020.

Berikut adalah peningkatan markah sepanjang audit pada tahun 2020:

Tarikh	Perkara	Markah
4 Mac 2020	Audit Fail dan Pemeriksaan Tempat Kerja Bil 1/2020	91%
19 Ogos 2020	Audit Fail dan Pemeriksaan Tempat Kerja Bil 2/2020	92%
15 Disember 2020	Audit Fail dan Pemeriksaan Tempat Kerja Bil 3/2020	92%



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil 4/2020

▼ PERTANDINGAN THE BIGGEST LOSER WEIGHT 2020 PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



The Biggest Loser Weight merupakan salah satu aktiviti kesihatan yang dilaksanakan di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dalam memastikan semua staf mengamalkan gaya hidup sihat. Pemarkahan The Biggest Loser Weight 2020 telah dicatatkan sepanjang tahun 2020 bermula bulan Januari hingga Disember 2020.

Penurunan berat badan yang paling banyak layak menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM500.00 yang disumbangkan oleh TNCPi. Pada pertandingan ini Puan Siti Aisah binti Yusop telah berjaya menerima hadiah wang tunai dan mencatatkan sebanyak 6.0kg penurunan berat.

▼ PERTANDINGAN LAMAN WEB PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) komited dalam memastikan semua laman web Bahagian/Pejabat/Pusat dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sentiasa dikemaskini bagi memudahkan pengguna melayari dan mendapatkan maklumat terkini.

Oleh itu, beberapa siri bengkel penambahbaikan laman web telah diadakan pada tahun 2020.

Berikut adalah senarai laman web dibawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) .

 Laman Web Pejabat TNCPI

 Laman Web Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)

 Laman Web Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC)

 Laman Web Creative Techno Park (ATP)

 Laman Web Agro Techno Park (ATP)

 Laman Web Institut Keusahawanan UMK (UMKEI)

 Laman Web Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global(GERIC)

 Laman Web Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK)

 Laman Web Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA)

 Laman Web Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya (AIBIG)

Pertandingan Laman Web Terbaik 2020 telah dianjurkan bagi memastikan semua webmaster komited dalam menghasilkan laman web yang berinformasi. Juara adalah daripada webmaster Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dan telah menerima RM100.00 yang disumbangkan oleh TNCPI.

UMK RESEARCH INFOLINK

- ▶ Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bermula pada tahun 2017 – 2020 konsisten terus menerbitkan Buletin Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Sehingga kini, UMK Research Infolink telah berjaya menerbitkan sebanyak 15 edisi secara berterusan. Ini merupakan satu komitmen yang telah ditunjukkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dalam meneruskan agenda untuk menyemarakkan aktiviti penyelidikan dan penyebaran maklumat melalui platform ini.



Segala aktiviti dan pencapaian UMK dalam bidang penyelidikan, inovasi, pengkomersialan, perundingan dan jalinan kerjasama dengan pihak industri, dapat disebarkan disamping menjadi penghubung dengan semua pihak dalam usaha memastikan Universiti terus cemerlang dan gemilang dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Buletin ini juga boleh dimuat turun melalui laman web Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), dengan melayari <http://research.umk.edu.my/v1/index.php/news/research-info-link>

UMK RESEARCH INFOLINK 2020



EDISI 12



EDISI 13



EDISI 14



EDISI 15

BELANJA MENGURUS 2020 PEJABAT TIMBALAN NAIB CANCELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

KUMPULAN WANG MENGURUS PEJABAT TNCPi	
	2020
	RM
Pendapatan:	
Pemberian Kerajaan	
-Peruntukan asal	990,000.00
-Peruntukan tambahan	0.00
Tolak : Perbelanjaan	
Vot 14000	8,319.34
Vot 21000	137,736.82
Vot 22000	0.00
Vot 23000	526.30
Vot 24000	103,605.00
Vot 25000	5,441.20
Vot 26000	3,259.40
Vot 27000	120,370.34
Vot 28000	11,511.71
Vot 29000	348,686.37
COE	200,000.00
Jumlah	939,456.48
Lebihan pendapatan 15 Disember 2020	
	-
Baki pada 15 Disember 2020	50,543.52

Perbelanjaan mengurus bagi Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPi) sehingga 15 Disember 2020 merekodkan perbelanjaan sebanyak RM939,456.48.

Jumlah perbelanjaan adalah termasuk agihan peruntukan kepada empat (4) Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (COE) sebanyak RM200,000.00 pada Januari 2020.

Setakat 15 Disember 2020 dicatatkan baki peruntukan sebanyak RM50,543.52 dan lebihan ini akan diakrukan dan digunakan bagi tujuan pembayaran bil-bil berkala pada Januari 2021.

PENYELIDIKAN,
PENERBITAN &
HARTA INTELEK



BAB 3

PENGURUSAN PENYELIDIKAN

Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan, Inovasi Dan Penerbitan (JPIP)

Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JPP) telah diwujudkan pada Februari 2014 hasil perbincangan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama pihak pengurusan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI). Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memberi penjelasan yang terperinci tentang kuasa dan keputusan yang dibuat oleh JPP selaras dengan pencapaian penyelidikan dan inovasi yang dirangka oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Pada tahun 2019, selaras dengan perubahan struktur organisasi secara besar-besaran dan penubuhan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), nama Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JPP) ditukar kepada Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Penerbitan (JPIP).



JPIP terdiri daripada Pengarah Kanan RMIC sebagai pengerusi (2019-kini) iaitu YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman, Penolong Pendaftar RMIC, Pengarah Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD), Pengarah Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD) dan Pengarah Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD), Pengarah Pusat Kecemerlangan (CoE), Bendahari, Pengarah Pusat Komputeran dan Informatik (CCI), Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pascasiswazah) Fakulti/ Pusat, Wakil Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (PPI) serta Penolong Pegawai Tadbir RMD, ICD dan PRD.



Fungsi dan peranan jawatankuasa ini adalah sepertimana berikut:

- a) Meluluskan permohonan peminjaman tempoh bagi projek penyelidikan bawah skim geran dalaman;
- b) Meluluskan penulisan laporan akhir melalui Borang Permohonan Laporan Akhir bagi semua projek penyelidikan di UMK;
- c) Menyokong dan meluluskan pindaan kandungan cadangan penyelidikan untuk semua projek penyelidikan di UMK;
- d) Menyelaras laporan aktiviti penyelidikan peringkat universiti;
- e) Menyelaras pelaporan kewangan setiap geran bagi setiap projek penyelidikan;
- f) Memperkemas dan memantapkan polisi, garis panduan dan prosedur berkaitan aktiviti penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengkomersialan;
- g) Memastikan semua peraturan dan pelaksanaan pengurusan penyelidikan dipatuhi;
- h) Meluluskan dan membincangkan berkenaan pentadbiran bagi penerbitan dan penarafan;
- i) Meluluskan dan membincangkan perancangan pengurusan harta intelek;
- j) Menyelaras urusan ke pameran produk/ inovasi; dan
- k) Meluluskan dan membincangkan perancangan pengkomersialan

GERAN PENYELIDIKAN



Penyelidikan dan inovasi merupakan salah satu daripada fungsi asas sesebuah universiti kerana ianya mempunyai perkaitan rapat dengan komponen akademik dalam pemindahan kepakaran dan ilmu kepada industri dan komuniti. Bagi membudayakan komponen tersebut dalam kalangan staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak universiti sama ada di peringkat pusat mahupun fakulti.

Pada tahun 2020, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah berjaya memperoleh 163 projek penyelidikan baharu yang memberikan jumlah keseluruhan peruntukan geran sebanyak RM8,156,080.90. Projek penyelidikan ini dibahagikan kepada empat kategori pembiayaan iaitu geran kerajaan, geran swasta/luar, geran dalaman (UMK) dan geran antarabangsa.

Pecahan jumlah geran dan peruntukan (RM) penyelidikan UMK pada tahun 2020

Bil.	Geran	Jumlah geran	Jumlah Peruntukan (RM)
1	Geran Kerajaan	41	5,615,225.00
2	Geran Swasta/ Luar	6	188,000.00
3	Geran Dalaman	113	1,657,000.00
4	Geran Antarabangsa	3	695,855.90
Jumlah Keseluruhan			8,156,080.90

a. Kerajaan

Geran kerajaan ditafsirkan sebagai geran yang mendapat peruntukan daripada kerajaan yang diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Geran yang ditawarkan oleh KPT adalah secara kompetitif dan hanya proposal terbaik akan menerima peruntukan tersebut.

Pada tahun 2020, terdapat sebanyak 41 geran kerajaan yang telah berjaya diperolehi oleh UMK. Geran tersebut ialah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Prototaip (PRGS), Geran Penyelidikan Khas Pasca Covid-19, AKEPT ID Research, CRG-UTM, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, MRUN, Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB-ECER) dan LPPKN. Selain daripada itu, UMK julung kalinya berjaya mendapat geran daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang bersetuju untuk membiayai projek penyelidikan.

b. Swasta

Geran swasta ditafsirkan sebagai geran yang mendapat peruntukan daripada mana-mana agensi atau syarikat swasta. Antara geran swasta yang diperolehi pada tahun 2020 ialah Repsol Oil & Gas Malaysia dan Geran Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG).

c. Dalaman

Geran dalaman merupakan geran yang mendapat peruntukan daripada pihak universiti di mana geran ini lebih memfokuskan kepada pembudayaan penyelidikan kepada pensyarah-pensyarah baru di universiti. Geran ini dapat memberi pengalaman dan ilmu kepada para pensyarah dalam usaha mendapatkan geran dari pihak kerajaan, swasta/ luar dan antarabangsa.

Pada tahun 2020 terdapat 113 projek telah diluluskan di bawah dana ini meliputi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (UMK-FUND), UMK Prototype Grant (UMK-PRO), UMK Society Impact Research Grant (UMK-SIR), UMK Matching Research Grant (UMK-Match) dan UMK Covid-19 Special Grant (UMK-C19SG) yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1,657,000.00.

Selain itu, RMD juga telah memperkenalkan Skim Geran Penyelidikan kepada Staf Pentadbir iaitu UMK-NICE.

d. Antarabangsa

Geran Antarabangsa merupakan geran yang dibiayai oleh mana-mana institusi atau agensi di luar negara. Bagi tahun 2020, terdapat tiga projek yang dikategorikan sebagai geran antarabangsa iaitu Erasmus + Higher Education, University of Liverpool dan UNESCO UNITWIN Project.

Jadual 3.2: Senarai Keseluruhan Geran Penyelidikan UMK 2020

Bil.	Jenis Geran	Jumlah Geran	Jumlah Peruntukan (RM)
1	AKEPT ID Research	3	45,000
2	CRG-UTM	4	80,000
3	DPUB-ECER	1	2,346,000
4	Erasmus + Higher Education	1	242,330
5	Exco Pertanian, Kerajaan Negeri Kelantan	1	30,000
6	FRGS 2020	23	2,092,475.00

7	APPGM-SDG	5	128,000
8	Geran Penyelidikan Khas Pasca Covid-19	1	17,000
9	MRUN	1	5,000
10	Kementerian Perpaduan Negara	1	530,650
11	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	1	25,000
12	Kerajaan Negeri Kelantan	1	14,500
13	LPPKN	1	17,600.00
14	Model Community Enabler (HIP6)	1	150,000.00
15	PRGS 1/2020	2	262,000
16	Repsol Oil & Gas Malaysia	1	60,000
17	UMK-C19SG	10	126,000
18	UMK-MATCH	16	406,000
19	UMK-SIR	13	265,000
20	UMK Rising Star	14	230,000
21	UMK-FUND	50	445,000
22	UMK-PRO	10	185,000
23	University of Liverpool	1	25,925.90
24	UNESCO UNITWIN Project	1	427,600.00
Jumlah Keseluruhan		163	8,156,080.90

KEMUDAHAN PENYELIDIKAN

Sesebuah universiti yang maju dengan penyelidikan memerlukan fasiliti penyelidikan yang boleh diguna pakai oleh para penyelidik secara optimum. Ianya juga dapat memupuk dan membina keupayaan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), menyokong aktiviti penyelidikan dalam bidang yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran dan membantu dalam penjanaaan ilmu pengetahuan baru, pembangunan teknologi, produk dan proses dalam bidang yang berkaitan dengan kepentingan Universiti. Selain daripada itu, ianya dapat menjana pembangunan sumber manusia dalam penyelidikan serta menggalakkan penyelidikan yang mempunyai perkaitan atau industri dengan pihak industri.

Secara amnya, UMK mempunyai kemudahan seperti makmal dan servis yang berupaya membantu kelangsungan proses penyelidikan. Berikut merupakan kemudahan yang berada di fakulti: -

Bil.	Fakulti	Kemudahan di fakulti
1	Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	1) Nutrition Laboratory 2) Anatomy Laboratory 3) Histology Laboratory 4) Teaching Laboratory 5) Rnomik Laboratory 6) Bacteriology & Mycology Laboratory 7) Virology Laboratory 8) Parasitology Laboratory 9) Aquatic Laboratory 10) Molecular Biology Laboratory 11) Post-mortem Laboratory 12) Clinical Pathology Laboratory 13) Large Animal Ambulatory 14) Veterinary Clinic UMK (KVUMK) 15) Mobile Veterinary Clinic

2	Fakulti Sains Bumi (FSB)	<ol style="list-style-type: none">1) Makmal Geologi & Sains Tanah2) Makmal Sains Alam Sekitar3) Makmal Sains Bahan4) Makmal Penyelidikan Insektarium5) Makmal Penyelidikan Alam Sekitar6) Bengkel Geologi7) Bengkel Kayu
3	Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)	<ol style="list-style-type: none">1) Makmal Pascasiswazah2) Makmal Teknologi Makanan3) Makmal Kimia & Fizik4) Makmal Biologi5) Makmal Teknologi Mikrob6) Makmal Akuakultur7) Makmal Penyelidikan Haiwan (Penternakan)8) Makmal Kultur Tisu9) Makmal Penyelidikan Alam Sekitar10) Makmal Biologi 2 (BAP 0.1)11) Makmal Biologi 3 (BAP 0.2)
4	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	<ol style="list-style-type: none">1) Bengkel Kayu dan Logam2) Bengkel Tekstil3) Bengkel CNC

5	Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT)	1) Makmal Sinaran 2) Makmal Sains Bahan 3) Makmal Teknologi Mikrob 4) Makmal Sains Alam Sekitar 5) Makmal BAP 1.1 6) Makmal BAP 1.2 7) Bengkel Teknologi Bahan 8) Bengkel Penyediaan Sampel (Bengkel Kayu)
---	--	---

Selain daripada itu, UMK Kampus Jeli menempatkan satu makmal gunasama Jeli yang mempunyai peralatan penyelidikan berjumlah RM1,588,436.50. Senarai alatan yang ditempatkan di makmal tersebut adalah seperti berikut: -

Senarai Peralatan di Makmal Gunasama, UMK Kampus Jeli

Bil.	Peralatan	Harga (RM)
1.	Thermo Fisher Scientific In10 Infrared Microscope with Iz10 (Ftir)	434,600.00
2.	Waters Prep 150 Quaternary Lc Automated System with Photodiode Array Detector (Pda) And Waters Fraction Colecctor (Wfc) Iii	298,999.50
3.	Mettler Toledo Simultaneous Thermal Analysis Tgadsc 02 (Tga/Dsc)	263,940.00
4.	Surface Area Analyzer (Quantachrome Autosorb Iq-Mp)	432,056.00
5.	Steponeplus Realtime Pcr	158,841.00
	Jumlah Perolehan	1,588,436.50

AKTIVITI DAN PROGRAM YANG TELAH DIANJURKAN OLEH BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMD)

PROPOSAL WRITING WORKSHOP FOR FRGS AND PRGS GRANT: LEARN IT FROM THE GRANT EVALUATORS
For Social Science

Speaker:

- Prof. Dr. Ruslan Rainis (USM)
Head of KPM Grant Panel (Cluster of Social Science)
- Prof. Madya Dr. Hafiza Aishah binti Hashim (UMT)
KPM Grant Panel

23 JANUARY 2020
THURSDAY / 09:00 AM – 05:00 PM
C2020T, UMK Kota Campus

*Attendance is compulsory for all applicants from Social Science background.
Please bring your proposal for evaluation by the panel.*

PROPOSAL WRITING WORKSHOP FOR FRGS AND PRGS GRANT: LEARN IT FROM THE GRANT EVALUATORS
For Pure Science

Speaker:

YBHG. PROF. DR. ABDUL LATIF AHMAD
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

13 FEBRUARY 2020
THURSDAY / 09:00 AM – 05:00 PM
BKS, UMK JELI CAMPUS

*Attendance is compulsory for all applicants from Pure Science background.
Please bring your proposal for evaluation by the panel.*

PROPOSAL WRITING WORKSHOP FOR FRGS GRANTS: LEARN IT FROM THE GRANTS EVALUATORS

Bagi memantapkan penulisan kertas kerja permohonan geran FRGS dan PRGS di kalangan penyelidik di UMK, RMD telah menganjurkan Proposal Writing Workshop for FRGS and PRGS Grants: Learn It from The Grants Evaluators. Program yang telah dibuat sebanyak dua (2) sesi pada 23 Januari 2020 di UMK Kampus Kota dan 13 Februari 2020 di UMK Kampus Jeli ini telah mendapat sambutan hangat daripada penyelidik UMK. Ini kerana penceramah yang dijemput merupakan Ketua Penilai bagi bidang Sains dan Sains Sosial di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Penceramah tersebut merupakan YBhg. Prof. Ir. Dr. Abdul Latif bin Ahmad, Prof. Dr. Ruslan Rainis daripada Universiti Sains Malaysia (USM) dan Prof. Madya Dr. Hafiza Aishah Binti Hashim daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMK).

SESI TAKLIMAT PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN DAN TADBIR URUS DANA KPM TAHUN 2020

RMD telah mengadakan Sesi Taklimat Permohonan Geran Penyelidikan dan Tadbir Urus Dana KPM Tahun 2020 pada 22 Januari 2020 di UMK Kampus Kota dan 30 Januari 2020 di UMK Kampus Jeli. Taklimat ini telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman, Pengarah Kanan RMIC dan Dr. Abdul Hafiz Bin Yusoff, Pengarah RMD. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada penyelidik di UMK berhubung tatacara dan garis panduan permohonan geran terutamanya geran FRGS dan PRGS.

Sesi Taklimat PERMOHONAN Geran Penyelidikan dan Tadbir Urus Dana KPM 2020

Penceramah:

- PROF. IR. TS. DR. AHMAD ZIAD SULAIMAN
Pengarah Kanan, Pejabat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (RMIC)
- DR. ABDUL HAFIZ BIN YUSOFF
Pengarah, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD)

22 Januari 2020
Rabu / 02:30 Petang
C2020T, UMK Kampus Kota

30 Januari 2020
Khamis / 10:00 Pagi
BKS, UMK Kampus Jeli

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD)
Pejabat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (RMIC), Universiti Malaysia Kelantan

TAKLIMAT TAWARAN DANA PROGRAM MALAYSIA SOCIAL INNOVATION (MYSI)

Bagi memastikan UMK tidak ketinggalan dalam permohonan geran penyelidikan daripada MOSTI, RMD telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Taklimat Tawaran Dana Program Malaysia Social Innovation (MYSI) pada 11 Mac 2020 di Bilik Seminar 1, Aras 2, Bangunan Canseleri. Taklimat yang berlangsung selama dua (2) jam ini telah disampaikan oleh En. Ramlee Bin Ab Ghani, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengkomersialan, MESTECC. Melalui taklimat yang diadakan tersebut, UMK telah menghantar 10 permohonan bagi geran tersebut.



COFFEE TALK: HEALTH, SAFETY ENVIRONMENT (HSE) IN RESEARCH AND INNOVATION

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat telah menganjurkan Program Coffee Talk [Health, Safety Environment (HSE) In Research and Innovation] pada 22 April 2020. Program yang berlangsung selama sejam melalui medium Google Meet dan Facebook live ini telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Ts. Ir. Dr. Ahmad Rasdan Bin Ismail, Pengarah Pusat Pengurusan Persekitaran Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH).

Objektif program ini diadakan adalah sebagai perkongsian amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan terutamanya ketika menjalankan penyelidikan. Program ini telah mencapai matlamat yang diharapkan apabila seramai 2900 orang menonton melalui siaran langsung di Facebook. Staf yang menghadiri program ini di Google Meet pula adalah seramai 180 orang dan diberikan jam latihan.

RMIC COFFEE TALK SPECIAL BERSAMA SELEBRITI: INOVASI DALAM BERKARYA IMPAK KEPADA INOVASI PERNIAGAAN



Bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam penyelidikan, Bahagian Pengurusan Penyelidikan telah menganjurkan Program RMIC Coffee Talk Special Bersama Selebriti: Inovasi Dalam Berkarya, Impak Kepada Inovasi Perniagaan. Program yang telah diadakan pada 13 Mei 2020 melalui siaran langsung di Facebook dan Google Meet ini telah disampaikan oleh Hj. Munif B. Ahmad, penyanyi nasyid utama Kumpulan Hijjaz. Penyanyi nasyid yang terkenal dengan lagu Sumayyah dan Fatamorgana ini juga merupakan usahawan yang menjalankan pelbagai perniagaan hasil daripada inovasi produk berasaskan makanan dan wangian. Menerusi perkongsian selama sejam ini, seramai 1,800 penonton telah dihiburkan dengan nyanyian di samping ilmu pengetahuan yang dikongsi oleh beliau.

COFFEE TALK: ONLINE INTELLECTUAL DISCOURSE – EXPLORING OPPORTUNITIES IN QATAR

Permohonan geran antarabangsa adalah salah satu medium bagi penyelidik untuk mendapatkan dana bagi membiayai projek penyelidikan mereka. Selaras dengan itu, Bahagian Pengurusan Penyelidikan telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Coffee Talk: Online Intellectual Discourse – Exploring Opportunities in Qatar pada 20 Mei 2020.

Dr. Ing. Mohd Zamri Bin Che Wanik, Saintis daripada Qatar Environment & Energy Research Institute telah dijemput sebagai penceramah bagi membuka ruang dan peluang kepada penyelidik di UMK untuk mendapatkan dana di Qatar. Program ini telah menarik minat seramai 164 orang peserta dan diadakan melalui medium Google Meet.



PEMBUKAAN PERMOHONAN GERAN UMK COVID-19 SPECIAL GRANT (UMK-C19SG)



Pandemik Covid-19 telah merebak di Malaysia bermula awal tahun 2020 sehingga menyebabkan kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Responsif terhadap pandemik yang melanda negara, Bahagian Pengurusan Penyelidikan telah menawarkan permohonan geran UMK Covid-19 Special Grant (UMK-C19SG) kepada semua staf akademik dan pentadbiran di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Matlamat penawaran geran ini adalah bagi memberi ruang penyelidikan yang mampu menghasilkan solusi menangani Covid-19 dan kesannya kepada negara.

Permohonan geran ini telah dibuka bermula 8 April 2020 sehingga 15 April 2020 melalui sistem RMS. Sebanyak 107 permohonan telah diterima, 72 permohonan yang lengkap telah dinilai dan 10 permohonan telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM126,000.00.



PELANJUTAN TEMPOH SELAMA ENAM (6) BULAN BAGI GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UMK

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Penerbitan (JPIP) Bil.3/2020 yang bersidang pada 27 April 2020 telah bersetuju untuk meluluskan planjutan tempoh selama enam (6) bulan bagi semua geran dalaman UMK yang masih aktif sehingga 17 Mac 2020. Keputusan ini diambil selaras dengan keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang memberi kelulusan planjutan tempoh secara automatik selama tiga (3) bulan bagi geran penyelidikan di bawah dana KPT.

Bahagian Pengurusan Penyelidikan sentiasa mengambil berat akan kesulitan yang dialami oleh penyelidik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Diharapkan dengan kelulusan planjutan tempoh ini penyelidik mampu menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan berimpak tinggi kepada masyarakat dan negara khususnya.

PEMBUKAAN BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMD) DI UMK KAMPUS JELI

Bagi memperkemaskan urusan pentadbiran terutamanya yang melibatkan kewangan, Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah memulakan operasi di UMK Jeli dengan menempatkan seorang staf Pekerja Sambilan Harian (PSH) bermula 20 Mei 2020 yang bertanggungjawab bagi mengumpul dan menyelaraskan dokumen kewangan penyelidikan di sana. Pengarah RMD pula akan hadir ke Kampus Jeli dua (2) kali seminggu bagi kelulusan dokumen berkenaan. Penempatan RMD di Kampus Jeli dilaksanakan atas dasar keperluan kerana pertambahan bilangan projek penyelidikan terutama di Kampus Jeli. Bagi tahun 2019 sahaja, bilangan projek penyelidikan yang diluluskan adalah sebanyak 135 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM7,089,370.00. Di Kampus Jeli, terdapat sebanyak 94 projek penyelidikan aktif dengan peruntukan sebanyak RM4,538,603.62.

PEMBUKAAN PEJABAT BAHAGIAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMD) DI UMK KAMPUS JELI

- Bagi menambahbaikkan baik urusan penyelidikan di kampus jeli, RMD telah menempatkan staff di kampus jeli.
- Inisiatif ini akan mempercepatkan proses pembayaran kerana dokumen dari Kampus Jeli tidak perlu berulang-alik ke UMK Bachok.
- Melalui inisiatif ini, proses kewangan penyelidikan di kampus jeli dapat diselesaikan dalam tempoh kurang tujuh (7) hari bekerja sebelum dihantar ke Pejabat Bendahari Kampus Jeli.

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD), Aras 1,
 Pejabat Pentadbiran Kampus Jeli
 Cik Nurul Ain Nabila Bt Md Rasdi (Pegawai Bertugas)
 nabila.nr@umk.edu.my
 +609-7797779/ 7780/ 7781 +6019-4263148

AKEPT LEADERSHIP INTELLECTUAL DISCOURSE (ID) PROJECT

Tahuniah
atas kejayaan memperolehi geran
RM 45,000
GERAN PROJEK PENYELIDIKAN KAJIAN JANGKA PENDEK-AKEPT INTELLECTUAL DISCOURSE (ID) RESEARCH 2020

daripada
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT), KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

■ YBhg. Prof. Dato' Tu. Dr. Noor Azizi Bin Ismail
 Naib Canselor
 ■ YBhg. Puan Mazula Binti Sabudin
 Pendaftar
 ■ YBhg. Puan Jumaidah Binti Badar
 Bendahari

Daripada
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti,
 Aka-Senarai dan Rangkaian Beraja Universiti Malaysia Kelantan

Universiti Malaysia Kelantan menerusi Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah berjaya mendapatkan tiga (3) projek penyelidikan Akept Leadership Intellectual Discourse (ID) daripada Akademi Kempimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) daripada enam (6) permohonan yang dihantar. Projek penyelidikan ini merupakan salah satu inisiatif AKEPT untuk mengenal pasti penyelesaian terbaik dalam menangani isu dan cabaran kepemimpinan pengurusan tertinggi universiti awam berdasarkan dapatan projek penyelidikan/ kajian jangka pendek untuk tempoh enam (6) bulan. Projek ini juga memfokuskan kepada kepimpinan pengurusan tertinggi iaitu Naib Canselor/ Timbalan Naib Canselor, Pendaftar dan Bendahari.

GERAN PENYELIDIKAN KHAS PASCA COVID-19

Kementerian Pengajian Tinggi telah menawarkan Geran Penyelidikan Khas Pasca COVID-19 yang terbuka kepada semua pensyarah Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Penawaran geran penyelidikan ini yang bersifat jangka pendek, adalah usaha KPT dalam menyediakan sumber rujukan kepada Kerajaan terutamanya kepada Kementerian berkaitan sebagai persediaan merangka polisi atau dasar dalam menghadapi senario kehidupan selepas wabak Covid19. Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) telah menghantar 10 permohonan bagi geran ini dan daripada jumlah tersebut, hanya satu (1) sahaja projek yang diluluskan.



SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) FASA 1 TAHUN 2020



Antara kejayaan yang diperoleh penyelidik di UMK juga adalah berjaya mendapatkan dua (2) projek penyelidikan bagi Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Fasa 1 Tahun 2020 dengan peruntukan berjumlah RM262,000.00. Dana PRGS diwujudkan untuk membantu merapatkan jurang antara penemuan penyelidikan dan pengkomersialan bagi tujuan penciptaan teknologi/ penemuan baru selaras dengan keperluan K-ekonomi dan pelaksanaan Model Ekonomi Baru. Ia juga adalah kesinambungan bagi projek penyelidikan fundamental yang mempunyai hasil penemuan atau penyelidikan lengkap yang memerlukan pembangunan prototaip. Menerusi projek penyelidikan ini, sekurang-kurangnya satu (1) prototaip yang memenuhi ciri-ciri dan objektif akan berjaya dihasilkan dan mendorong penyelidik untuk mendapat geran pra-komersialan dan pengkomersialan.

GERAN ANTARABANGSA: ERASMUS + HIGHER EDUCATION – INTERNATIONAL CAPACITY BUILDING

Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD) sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada penyelidik untuk memohon geran daripada swasta dan antarabangsa. Menyahut seruan yang diberikan, penyelidik di UMK telah berjaya mendapatkan geran antarabangsa Erasmus + Higher Education – International Capacity Building. Geran yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Noorshella Binti Che Nawawi bagi penyelidikan bertajuk “Asean Network for Green Entrepreneurship and Leadership” ini berjumlah RM242,330 diharapkan mampu menjadi dorongan kepada penyelidik lain untuk terus memohon geran antarabangsa.



Universiti Malaysia KELANTAN

Tahniah

PROF. MADYA DR. NOORSHELLA CHE NAWI
atas kejayaan memperoleh geran

RM242,330

GERAN ANTARABANGSA
Erasmus+ HIGHER EDUCATION
-INTERNATIONAL CAPACITY BUILDING
Education, Audiovisual and Culture Executive Agency(EACEA)

Tajuk Penyelidikan
“ASEAN NETWORK FOR GREEN
ENTREPRENEURSHIP AND LEADERSHIP”

Daripada
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti,
Ahli Senat dan Seluruh Warga Universiti Malaysia Kelantan

Dr. Noorol Azmin Md Noor
Dr. Siti Aishah Zainudin
Dr. Asrul Hery Ibrahim
Prof. Tu. Dr. Arham Abdullah
Dr. Haziqah Roslan

GERAN AGENSI: KERAJAAN NEGERI KELANTAN DAN KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI



Universiti Malaysia KELANTAN

Tahniah

DR. NOOR HISHAM BIN MD NAWI
Ahli Bersekutu,
Institut Penyelidikan dan Pengiraan Kuantitatif
Biosfera,
atas perolehan sebagai

PENYELIDIK PAKAR
bagi

“PEMETAAN EKOSISTEM WALI DAN KERABAT KOMUNITI MISKIN
DI KAMPUNG DEMIT, KOTA BHARU, KELANTAN”
(Tempoh: 1 September 2020 - 31 Disember 2020)

JUMLAH PERUNTUKAN:
RM14,500.00
daripada

JAWATANKUASA KEBAJIKAN,
PEMBANGUNAN KELIANGA DAN WANITA,
KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Selaku Daripada
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti,
Ahli Senat dan Seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan



Universiti Malaysia KELANTAN

Tahniah

DR. JAYARA VIJAYA KUMARAN
FAKULTI SAINS BUMI (FSB)
atas kejayaan memperoleh

RM25,000

**PROJEK INVENTORI
SPESIMEN KEBANGSAAN**

**GERAN KEMENTERIAN
TENAGA DAN SUMBER ASLI**

Daripada
Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti,
Ahli Senat dan Seluruh Warga
13 OGOS 2020 - Kunjungan balas Lembaga Zakat negeri Kedah (LZNK) ke InsPeK UMK. Kunjungan ukhwh kali ini disertai oleh CEO LZNK Tn Sheikh Zakaria Othman dan pegawai LZNK. Perbincangan kolaborasi antara LZNK dan InsPeK dalam menguruskan kemiskinan rentas negeri dan serantau kelak. Perincian kali ini kepada pengurusan kemiskinan secara berimpak lestari melalui pendidikan, secara khususnya melalui Kolej Junior Keusahawanan LZNK yang sedang agresif diusahakan. InsPeK amat berbesar hati dapat merealisasikan usaha ini melalui penubuhan pakar dari InsPeK UMK. Pelbagai aktiviti yang berimpak melalui pemetaan berasaskan potensi yang boleh dilaksanakan. Seterusnya, membawa deligasi LZNK mengenali para usahawan yang sedang mengikuti latihan keusahawanan dan perusahaan sosial di Tumpat. Antaranya adalah restoran ikan bekok Kak Pah di Geting Tumpat.



KUNJUNGAN HORMAT DARI DELEGASI WANITA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU KE InsPeK UMK

07 SEPTEMBER 2020 - InsPeK menerima kunjungan hormat dari ADUN Wanita dan Urus setia Wanita Terengganu. Delegasi Terengganu diketuai oleh YB HjH Zuraida Md Noor, disertai bersama Pengarah Urusetia Wanita dan warga Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan kolaborasi dari sudut penyelidikan dan pendayaupayaan wanita dan dalam usaha menguruskan kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup di Terengganu.



PEMBENTANGAN DAN PERBINCANGAN DENGAN PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) BERKAITAN KEUSAHAWANAN ASNAF DAN PELAJAR ASNAF UMK

09 SEPTEMBER 2020 - Pembentangan dan perbincangan dengan pegawai Permodalan Nasional Berhad (PNB) bersama InsPeK berkaitan keusahawanan asnaf dan pelajar asnaf UMK untuk memperincikan lagi kerjasama yang berimpak kepada usahawan asnaf dan kebajikan pelajar asnaf di UMK. Diteruskan pula dengan lawatan ke lokasi untuk projek yang berpotensi disertai oleh Pejabat Pembangunan UMK diketuai oleh Muhammad Hazwan dan pegawai Pusat Islam UMK.



LAWATAN TAPAK OLEH DELEGASI UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU)

13 SEPTEMBER 2020 - Lawatan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan ECERDC ke projek perusahaan sosial (SEP) InsPeK, Ike Bekok. Deligasi EPU JPM diketuai oleh YBhg Dr Maziah Yusoff (Timbalan Ketua Pengarah - Polisi). Projek ike bekok ini diketuai oleh Dr Tengku Fauzan membantu beberapa aspek pengusaha ike bekok di Tumpat, Kelantan. Program pembinaan kapasiti berasaskan ekosistem perusahaan sosial InsPeK akan lebih ramai komuniti akan menikmati kesejahteraan.



LAWATAN JARINGAN INDUSTRI ANTARA InsPeK DAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKM)

21 SEPTEMBER 2020 - Lawatan InsPeK ke IKM bertujuan untuk mengadakan perbincangan dan bersama melaksanakan penyelidikan serta program kapasiti secara kolaboratif antara IKM dan InsPeK UMK. Ini termasuklah perkongsian kepakaran staf. Perbincangan ini dihadiri oleh staf IKM, Pn Noor Zeeta (Pegarah Pusat Pengurusan Perniagaan), Dr Yusman Yacob (Pegarah Pusat Penyelidikan), dan lain-lain Pegarah dari pusat berbeza.



PERBINCANGAN KOLABORASI BERSAMA BANK PEMBANGUNAN

22 SEPTEMBER 2020 - Perbincangan cadangan penyelidikan dan pembinaan kapasiti antara Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan InsPeK UMK. InsPeK berpeluang berbincang dengan pegawai BPMB yang diketuai oleh Ustaz Fakhurrrazi (Head of Shariah Management and Research) dan dihadiri Hj Ruslan Yohman (Head Zakat Management) berkaitan penyelidikan dalam konteks Shariah, Zakat, maqasid Shariah dan kemiskinan



PERBINCANGAN KOLABORASI BERSAMA BANK RAKYAT

25 SEPTEMBER 2020 - InsPeK UMK meneruskan momentum untuk bersama rakan strategik dalam bekerja bersama menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari. Bank Rakyat melalui YBhg Ustaz Zamerey Razak (Naib Presiden Pematuhan Syariah, Bank Rakyat) bersama InsPeK membincangkan pelaksanaan program pembinaan kapasiti PKS miskin di Kelantan berasaskan kerangka perusahaan sosial InsPeK UMK yang dikenali sebagai P'REKA. Turut hadir bersama ialah ketua program Prof. Madya Dr. Qamar Ghani.



PEMETAAN EKOSISTEM WALI DAN KERABAT KOMUNITI MISKIN DI DUN DEMIT

14 – 16 OKTOBER 2020 - Kerja lapangan kajian di DUN Demit, kajian berkaitan pemetaan ekosistem wali dan qarabah dalam kalangan komuniti miskin. Projek ini diketuai oleh YBhg. Dr. Noor Hisham, Penyelidik Bersekutu InsPeK yang mendapat peruntukan khas UKEKWA. Projek ini adalah dari rentetan hasil Pemetaan Kemiskinan di Kelantan yang mendapati modal sosial komuniti miskin adalah tinggi. Hasil daripada kajian ini akan menghasilkan pangkalan data khas dan pelan tindakan untuk merekayasakan modal sosial komuniti miskin di Kelantan.



MAJLIS MENANDATANGANI MoU ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN (SUK)

19 OKTOBER 2020 - Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerusi Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) dan Kerajaan Negeri Kelantan (SUK) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pelaksanaan kerjasama menguruskan kemiskinan dan bidang keusahawanan berasaskan kepakaran dan fokus masing-masing khususnya kepada rakyat di Negeri Kelantan.



LAWATAN KE PERUSAHAAN SOSIAL DI TUMPAT

01 NOVEMBER 2020 - Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) telah mengadakan lawatan ke perusahaan sosial di Tumpat. Kunjungan ke lokasi dan perkembangan peserta UMK-MoF Social Enterprise Project di Tumpat. Lawatan ini turut dihadiri oleh Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (P&I), Pendaftar dan Ketua Pustakawan untuk melihat sendiri perkembangan projek perusahaan sosial InsPeK seperti ikan bekok, budu dan keropok.



PERJUMPAAN BERSAMA JAKOA JELI BAGI PROGRAM PERUSAHAAN SOSIAL CENDAWAN DI KG. SG. RUAL, JELI DI BAWAH PROJEK APPGM-SDG

02 NOVEMBER 2020 – Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) telah mengadakan satu perjumpaan bersama JAKOA Jeli bagi Program Perusahaan Sosial Cendawan di Kg. Sg. Rual, Jeli di bawah Projek APPGM-SDG. Perjumpaan ini diadakan bagi membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan pelaksanaan program tersebut.



WEBINAR BERSAMA BANK ISLAM (KEUSAHAWANAN SISWA: KENAPA DAN BAGAIMANA?)

03 NOVEMBER 2020 - Program pertama antara InsPeK dan Bank Islam Malaysia sebagai langkah awal MoU dan lantikan InsPeK UMK sebagai “change-maker” perusahaan sosial B40.



LAWATAN TAPAK BAGI PROGRAM EKOPELANCONGAN DI KG. GUNUNG RENG, JELI DI BAWAH PROJEK APPGM-SDG

04 NOVEMBER 2020 – Ketua projek bersama Pegawai Daerah (DO), Ketua Rukun Tetangga Gunung Reng dan Tok Penggawa Daerah Jeli telah mengadakan Lawatan Tapak bagi Program Ekopelancongan di Kg. Gunung Reng, Jeli di bawah Projek APPGM-SDG. Tujuan lawatan ini diadakan untuk melakukan pemerhatian ke atas lokasi projek serta keperluan tambahan. Perbincangan juga diadakan bagi perancangan Majlis Daerah Jeli dalam usaha memajukan dan mengangkat Gunung Reng sebagai salah satu produk pelancongan terkenal.



LAWATAN TAPAK BAGI PROGRAM PERUSAHAAN SOSIAL INOPRODUCT DI KG. SG. RUAL, JELI DI BAWAH PROJEK APPGM-SDG

05 NOVEMBER 2020 – Perbincangan berkaitan Program Perusahaan Sosial Inoproduct di Kg. Sg. Rual, Jeli di bawah Projek APPGM-SDG di antara Tok Ketua Kg. Sg. Rual, Jeli bersama Ketua Projek. Disamping itu, lawatan tapak juga telah diadakan di kawasan tersebut bagi melaksanakan program ini.



LAWATAN TAPAK PROJEK “ENVIRONMENTALLY FRIENDLY RICE FARMING TOWARDS EMPOWERING FARMERS OF KG. SELIGI, PASIR PUTEH” PROJEK BERSAMA SRI-MAS DI BAWAH GERAN YAYASAN HASANAH

07 NOVEMBER 2020 – Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) bersama dengan rakan strategik, NGO SRI MAS serta Persatuan PUNCAK telah menerima geran daripada Yayasan Hasanah melalui projek padi alami. Lawatan tapak telah diadakan bagi melihat kawasan di Kg. Seligi, Pasir Puteh. Projek ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan petani di Kelantan melalui aktiviti pertanian.



KUNJUNGAN KE PEJABAT PENGARAH JAKOA KELANTAN DAN TERENGGANU

10 NOVEMBER 2020 – Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) dan ketua projek berkaitan berpeluang berkongsi pandangan dengan YBrs. Tn. Haji Shafie bin Abas, Pengarah Baharu JAKOA Negeri Kelantan dan Terengganu di Wisma Persekutuan negeri Kelantan. Perbincangan lebih kepada usaha untuk menguatkan lagi hubungan sedia ada dan membentangkan beberapa projek yang telah berlalu, sedang dan akan datang. Antara projek yang sedang dilaksanakan adalah 3 projek APPGM-SDG dan 1 projek UMK-MoF Social Enterprise Project. Umumnya, projek tersebut adalah projek APPGM-SDG cendawan (yang diketuai Dr. Hafizoh), projek APPGM-SDG InoProduct Batik Warna Alam (diketuai Cik Nawwal), projek APPGM-SDG perundingan komuniti dan Projek UMK-MoF Superfood Spirulina (diketuai PM Dr. Faiz).



InsPeK INTERNATIONAL WEBINAR SERIES (IWS)

17 DISEMBER 2020 – Satu program webinar telah dianjurkan oleh InsPeK yang bertajuk InsPeK International Webinar Series (IWS) : Perusahaan Sosial dan Kebolehpasaran Graduan. Webinar ini dimulakan dengan ucap-tama daripada YBhg. Dato Naib Canselor UMK dan seterusnya perkongsian oleh panel mengikut kepakaran masing-masing. Panel yang terlibat adalah YBrs. Encik Ahmad Fauzi bin Sungip wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia, YBrs. Encik Fazli bin Said wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah InsPeK. Manakala moderator bagi webinar ini adalah YBrs. Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah, Ketua Bahagian InsPeK.



MAJLIS KOLABORASI STRATEGIK UMK - AL KHATIRI DAN PENYERAHAN SUMBANGAN DARIPADA JAKEL

17 DISEMBER 2020 – Majlis Kolaborasi Strategik UMK - Al Khatiri dan Penyerahan Sumbangan daripada Jakel telah diadakan di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota. Majlis ini diadakan bagi penyerahan 3000 kempat beras dan keperluan lain kepada 1500 golongan asnaf dan miskin termasuk staf dan pelajar UMK.

A. KOLABORASI

1

AGRO REKAJELI

B. PENERBITAN

28

C. PENYELIAAN PELAJAR PASCASISWAZAH

5 SARJANA
5 PhD

D. GERAN PENYELIDIKAN/PERUNDINGAN



\$

RM 30,000

Program Lembah Barakah Kelantan_UMK:
Projek Kolaborasi Latihan Pemeraksanaan Pertanian dan Penternakan Melalui Sistem Aquaponik Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) di Bawah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Negeri Kelantan.

E. ANUGERAH / PENCAPAIAN



Nano Scented 2 in 1 Insect
Repellent (MTE20)

iKenaf (BIF20)



iKenaf (ITEX20)

Termicide:

Nano Anti-Termite for Urban Household
(ITEX20)

Termidice:

Organic Repellent for Pest Termites (RISE20)

Termidice:

Nano Repellent for Termites (eCRI20)

Termicide:

Green Repellent for Pest Termite (BIF20)

Nano Scented 2 in 1 Insect Repellent
(eREKA20)

ProvaeFeed (eCRI20)



Black Soldier Fly Egg
Magnetic Snapper Collector
for Higher Collection Yield
(eCRI20)

F. AKTIVITI IFSSA



LAWATAN SAMBIL BELAJAR PERTANIAN HIDROPONIK PERTUBUHAN PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK) BANDAR JELI

13 Januari 2020 - IFSSA telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar daripada PPDK Bandar Jeli seramai 40 orang peserta dan 5 orang guru pengiring. Aktiviti yang diadakan adalah seperti memberi penerangan asas berkaitan sistem hidroponik kepada peserta dan juga mengadakan amali dan kaedah berkonsepkan Nutrient Film Technique (NFT).



LAWATAN PRE AUDIT JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KELANTAN (JAHEIK) BAGI TUJUAN PROSES PENSIJILAN HALAL

15 Januari 2020 – Satu perbincangan telah diadakan di antara JAHEIK yang diketuai oleh Ketua Bahagian Pengurusan HALAL dan seorang pegawai Teknologi Makanan bersama para pensyarah UMK yang menerajui projek ABID. Tujuan perbincangan diadakan adalah untuk menjadikan kilang ABID ke arah pensijilan HALAL mengikut spesifikasi yang ditetapkan selamat oleh JAHEIK dan JAKIM. Terdapat beberapa perkara perlu diambil perhatian dan penambahbaikan sebelum tibanya audit sebenar.



LAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) BAGI PENSIJILAN MeSTI KE PUSAT PEMBANGUNAN PRODUK INDUSTRI ASAS TANI (ABID)

19 Januari 2020 – Satu perbincangan telah diadakan antara Ketua Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, bersama dua (2) orang pegawai Teknologi Makanan bersama para pensyarah UMK yang menerajui projek ABID. Perbincangan ini bertujuan untuk membawa kilang ABID ke arah pensijilan MeSTI dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan selamat bagi tujuan pemprosesan makanan mengikut prosedur KKM. Hasil perbincangan mendapati KKM sangat menitikberatkan hal kebersihan serta perlunya perubahan bagi carta alir pergerakan di dalam kilang sebagai persediaan Audit KKM untuk kelulusan MeSTI akan datang.



PROJEK KHIDMAT MASYARAKAT KEPADA BARISAN HADAPAN UMK

31 Mac, 7 April & 20 Mei 2020 - Sumbangan hasil tanaman hidroponik seperti pokok bayam kepada petugas hadapan UMK dan kejiranan terdekat adalah merupakan salah satu tanggungjawab sosial (CSR) IFSSA dalam menghulurkan bantuan ketika negara mendepani pandemik Covid-19 ini.



PEMBUATAN BAJA KOMPOS

3 Mei 2020 – Proses pembuatan baja kompos dibuatkan disebabkan oleh terdapat lebih dan tinggalan sisa makanan seperti roti yang ditinggalkan oleh para pelajar sebelum mereka pulang ke kampung halaman masing-masing. IFSSA mengambil inisiatif menjadikan roti tersebut sebagai baja organik di mana ia berfungsi sebagai pengalag tumbesaran dan kesuburan semulajadi tumbuhan.



SEMBANG MOREH

Ts. Dr. Maryana binti Mohamad Nor, Pengarah IFSSA telah diundang dalam satu program Sembang Moreh melalui platform Instagram. Perkongsian tentang isu dan cabaran makanan negara ini telah ditonton hampir 200 tontonan di Instagram pemilik akaun rafidahabunansir juga merupakan moderator bagi program tersebut.



UMK FOR SMALL AND MEDIUM ENTREPRISES

11 Jun 2020 – Usahawan cendol, Encik Anuar Muhammad hadir ke Pejabat IFSSA bagi mendapatkan khidmat nasihat daripada Pengarah dan Felo Bersekutu IFSSA berkaitan perniagaan yang diusahakannya iaitu Cendol Gedik, untuk dikembangkan di pasaran luar Kelantan.



THE MOREH PROJECT

25 April hingga 5 Mei 2020 – The Moreh Project adalah projek daripada syarikat pelajar UMK iaitu Phytopia Ventures. Mereka telah terpilih untuk menerima bantuan melalui program Inisiatif Kelestarian Menangani Krisis Covid-19 yang dijalankan oleh Alliance Islamic Bank, Citrine Capital, MaGIC dan NGOhub. IFSSA secara tidak langsung juga membantu projek ini dengan memberikan khidmat sewaan kilang ABID dan peralatan memasak untuk mereka menyediakan hidangan moreh kepada para pelajar UMK Kampus Jeli sepanjang bulan Ramadan.



KERJASAMA PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB)

10 Jun 2020 – Satu perbincangan telah diadakan bagi membincangkan kerjasama strategik untuk program pembangunan pelajar bersama KPKB.



LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KE AGRO-BASED INDUSTRY DEVELOPMENT (ABID)

5 Julai 2020 – Lawatan kerja YB Dato' Mansor bin Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, ke Pusat Inkubator Keusahawanan bertempat di UMK Kampus Jeli. Melalui program inkubator, usahawan akan melalui satu tempoh 'incubation' selama enam bulan di ABID untuk memperolehi kemahiran teknikal, kemahiran keusahawanan disamping dapat membangunkan rangkaian dan kontak perniagaan di kalangan usahawan yang lain. Setelah melalui tempoh 'incubation', perkhidmatan dan bimbingan yang ditawarkan di ABID akan diteruskan jika mendapat permintaan daripada usahawan tersebut.





PERKONGSIAN ILMU

20 Julai 2020 – Ts. Dr. Maryana Mohamad Nor, Pengarah IFSSA, telah diundang sebagai Speaker bagi program perkongsian ilmu berkaitan penulisan proposal dan metodologi kajian khusus kepada bidang teknologi makanan. Program anjuran Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) secara dalam talian ini disertai oleh pensyarah POLISAS, Politeknik Tun Syed Nasir dan Politeknik Nilai.



PROGRAM PEMBANGUNAN SYARIKAT PELAJAR DI BAWAH PROJEK INKUBATOR PELAPIS USAHAWAN TANI

9 – 16 Ogos 2020 – 25 orang peserta dari golongan pelajar B40 telah disaring dan berpeluang menyertai Program Pembangunan Syarikat Pelajar. Melalui program ini, para peserta dapat mengetahui lebih terperinci dalam pengendalian dan kualiti produk. Pengarah projek program ini diketuai oleh Felo Bersukutu IFSSA, Puan Tengku Halimatun Saadiah T Abu Bakar.



KERJASAMA STRATEGIK IFSSA BERSAMA AIN AQUACULTURE SDN. BHD.

19 Ogos 2020 – Mesyuarat pertama IFSSA bersama Ain Aquaculture Sdn. Bhd. bagi membincangkan MoU Future Crops dan potensi penternakan etak.



3 September 2020 – Lawatan tapak projek penternakan etak di Sungai Durian.

7 September 2020 – Pembentangan tiga (3) kertas kerja untuk mendapatkan kelulusan:-

- i. East Coast Smart Farming Showcase Centre,
- ii. Penternakan Etak di Sungai Durian,
- iii. Penternakan Black Soldier Fly Larvae (BSFL)



BENGKEL TEKNOLOGI PENANAMAN VERTIKAL – HIDROPONIK DI BAWAH SKIM GERAN 'UMK-MOF SOCIAL ENTERPRISE PROJECT'

7 September 2020 – Telah diadakan satu bengkel penanaman teknologi vertikal – hidroponik yang diketuai oleh Pengarah Projek; Dr Norhafizah Md Zain. Objektif bengkel adalah peserta dapat memahami asas serta konsep teknik tanaman hidroponik di samping dapat memberi kesedaran dan kepentingan teknologi terhadap pertanian. Malah, peserta juga dapat menjana pendapatan bagi memastikan kesinambungan usahatani tanaman sayuran.



BENKEL PENANAMAN CENDAWAN TIRAM KELABU DI BAWAH SKIM GERAN 'UMK-MOF SOCIAL ENTERPRISE PROJECT'

7 September 2020 – Pengarah Projek; Dr. MST Laila Naher, Felo Bersekutu IFSSA telah mengadakan satu bengkel penanaman cendawan tiram kelabu yang menyasarkan golongan komuniti B40. Objektif bengkel ini adalah memberi pendedahan awal tentang penanaman cendawan tiram kepada peserta di samping meningkatkan minat peserta terhadap cendawan tiram.



PERASMIAN GINGER & HERBS NURSERY IFSSA

13 September 2020 – YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail, Naib Canselor UMK telah merasmikan Ginger & Herb Nursery IFSSA. YBhg. Naib Canselor juga mengadakan lawatan ke UMK Edible Garden (penanaman Hidroponik), dan juga Taman Basis IBS (penanaman Grey Oyster Mushroom). Ketiga-tiga projek ini adalah merupakan fasiliti sokongan di bawah Projek Jeli Food Farm Valley (JFFV)



WEBINAR: THE POWER OF HYDROPONICS IN MODERN AGRICULTURE

17 September 2020 – Satu webinar berkaitan hidroponik telah diadakan dan dipengerusikan oleh Prof. G Sudarsanam daripada Sri Venkateswara University, Tirupati, India. Program yang melibatkan lebih 30 orang peserta daripada Malaysia dan pelbagai negara luar ini dikoordinasikan oleh Felo Tetap IFSSA iaitu Dr. Mohammed Aurifullah dan PM. Dr. Fatimah binti Changgok @ Kayat selaku moderator. Terdapat juga sesi lawatan secara maya di salah sebuah tapak hiroponik di Bangalore, India.



TNCCI CAMPUS TOUR

27 September 2020 – IFSSA menyertai TNCCI Campur Tour yang bertempat di Kompleks Akademik, UMK Bachok. IFSSA mempamerkan produk sayur-sayuran seperti cendawan, salad, sawi dan pes makanan hasil produk dan pertanian IFSSA.



LAWATAN PENERUSI JAWATANKUASA PERTANIAN, INDUSTRI ASAS TANI, BIOTEKNOLOGI, TEKNOLOGI HIJAU DAN ALAM SEKITAR NEGERI KELANTAN KE KILANG ABID

30 September 2020 – Lawatan YB Haji Tuan Mohd Saripudin bin Tuan Ismail sempena lawatan beliau merasmikan Germplasm Durian dan Secret Garden di Ladang Agro Techno Park (ATP), UMK Kampus Jeli. Beliau juga turut menyumbang sejumlah RM30,000.00 kepada IFSSA bagi Projek Kolaborasi Latihan Pemerkasaan Pertanian dan Penternakan Melalui Sistem Akuaponik Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) di Bawah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Negeri Kelantan. YB Pengerusi juga meninjau dikawasan kilang ABID dan sempat mencuba hidangan hasil produk daripada usahawan bimbingan IFSSA dan syarikat pelajar.



SEMINAR ON PROMOTING LOCAL RESOURCES FOR SUSTAINABLE AGRICULTURE AND DEVELOPMENT 2020

8 Oktober 2020 – ISEPROCAL 2nd (International Seminar on Promoting Local Resources for Sustainable Agriculture and Development) 2020 telah dianjurkan oleh Fakulti Pertanian, Universiti Bengkulu bersama rakan institusi yang lain. Seminar bertaraf antarabangsa ini bertujuan untuk memperkenalkan hasil ujikaji yang termaju, di samping menganalisis keadaan semasa dan perspektif dalam industri pertanian. Dr. Mohammed Aurifullah dilantik sebagai penceramah jemputan dan telah menyampaikan ceramah bertajuk “Production of Bioactive Constituents using Plant Tissues Culture: A Potential Source of Raw Material for Pharmaceutical and Food Industries”. Terdapat lebih 300 peserta daripada seluruh dunia menyertai seminar ini.



VIRTUAL RUN WORLD FOOD DAY 2020 PERINGKAT UMK

16 – 23 Oktober 2020 – Bersempena dengan Hari Makanan Sedunia yang disambut pada 16 Oktober 2020, IFSSA bersama-sama dengan Thought For Food (TFF) menganjurkan acara Virtual Run sejauh 2 kilometer. Acara selama 7 hari ini berlangsung mengikut tema yang berbeza bertujuan memberikan kesedaran tentang isu dan cabaran jaminan makanan di Malaysia. Seramai 300 penyertaan yang terdiri dari kalangan pelajar, staf UMK dan juga peserta luar.



TNCPI CAMPUS TOUR

3 November 2020 – IFSSA menyertai TNCPI Campus Tour yang bertempat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota. IFSSA mempamerkan dan menjual sayur-sayuran segar serta produk pes makanan IFSSA. Antaranya yang mendapat perhatian pengunjung adalah Kimchi Hidroponik dan Aiskrim Roselle. Menu tersebut dibuat sendiri (homemade) dengan menggunakan sayuran dan hasil tanaman IFSSA.



LAWATAN KE PERUMAHAN ASNAF YAYASAN AL KHATIRI

15 November 2020 – Satu lawatan telah diadakan ke Perumahan Asnaf Yayasan Al Khatiri di Lubok Jong. Lawatan ini juga turut disertai oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail, Naib Canselor UMK dan Prof. Madya Ir. Dr. Julie Juliewatty binti Mohamed, Pengarah Bahagian Komersialan dan Harta Intelekt. Tujuan lawatan ini adalah untuk perancangan projek kolaborasi bersama Perumahan Asnaf Yayasan Al Khatiri bagi menghasilkan agro tahfiz.



LAWATAN DARIPADA PEJABAT PERTANIAN

16 November 2020 – Satu lawatan daripada Pejabat Pertanian Jeli ke IFSSA telah diadakan. Tujuan lawatan ini adalah bagi perbincangan kolaborasi antara IFSSA dan Pejabat Pertanian Jeli bagi projek pertanian dalam bandar.



TALKS SERIES IFSSA

IFSSA menganjurkan Talks Series IFSSA 2020 yang bertujuan untuk berkongsi idea, pengetahuan dan pengalaman daripada penceramah jemputan bagi membincangkan topik-topik semasa.

Tarikh: 19 November 2020
 Topik: Teknologi Makanan dan Pemandahan Teknologi Kepada Komuniti & SME
 Penceramah: Dr. Mansor bin Abdul Hamid, Penasarah Kanan, Universiti Malaysia Sabah
 Platform: Google Meet



Tarikh: 30 November 2020
 Topik: Food Technology and Challenges during Pandemic Covid-19
 Penceramah: Encik Norisham bin Bahrain, Pengarah Urusan, Flavorista Sdn. Bhd.
 Platform: Google Meet

Tarikh: 23 Disember 2020
 Topik: "Application Biotechnology in Plant Research: A Case Study on Current Research"
 Penceramah: Dr. Komala a/p Thirumalai, Pensyarah, Fakulti Perubatan, Quest International Universiti Perak
 Platform: Google Meet



3rd INTERNATIONAL VIRTUAL CONFERENCE ON FOOD AND NUTRITION

20 – 21 November 2020 – BioLeagues dan dengan kerjasama beberapa organisasi termasuk IFSSA telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa secara maya yang berfokuskan kepada Nutrisi dan Pemakanan. Pengarah IFSSA, Ts. Dr. Maryana binti Mohamad Nor dilantik sebagai Chair Conference, manakala Dr. Mohammed Aurifullah, Felo Tetap IFSSA dilantik sebagai Organizing Secretary dalam persidangan yang disertai oleh perwakilan dari seluruh dunia.



MAJLIS VIRTUAL MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DAN AGRO REKAJELI

2 Disember 2020 – Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerusi Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) menjalin kerjasama strategik dengan syarikat Agro RekaJeli bagi menghasilkan pembenihan varieti durian bernilai tinggi. Kerjasama ini dijangka memberi manfaat besar kepada kedua-dua pihak menerusi penyelidikan berasaskan pertanian moden dan pengkomersilan produk asas tani dan makanan termasuk propagasi halia, kunyit hitam, inokulasi gaharu dan penghasilan varieti manga berkualiti tinggi. Selain itu, IFSSA juga akan berfungsi sebagai penasihat, pembekal benih durian dan halia berekonomi tinggi kepada Agro RekaJeli di samping berkolaborasi dalam beberapa penyelidikan untuk menghasilkan ubatan berasaskan hasil tani.



JALINAN KERJASAMA ANTARA AGENSI LUAR

10 Disember 2020 – Satu mesyuarat pembentangan proposal telah diadakan untuk projek kerjasama bersama Yayasan Al-Khatiri. Turut hadir dalam pembentangan ini adalah YBhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pengarah - Pengarah di Pejabat TNCPI, Felo-Felo IFSSA serta beberapa pensyarah yang terlibat langsung dalam projek ini.

A. KOLABORASI

**Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Huawei membekalkan peralatan rangkaian tanpa sebarang kos untuk digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran termasuk demonstrasi produk serta latihan makmal. Produk ini ditempatkan di IR4.0 Competence Centre.

**Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kelantan****• Public Remote Medical Service: COVID-19**


Aplikasi ini menggunakan *COVID-19 Self-Assessment Tool* iaitu kaedah awal bagi mengklasifikasikan jangkitan dan rundingan bersama Pegawai Perubatan sekiranya perlu.

• Ambulances Real-Time Tracking System for Covid-19

Aplikasi ini dapat membantu hospital dalam mengurus penggunaan ambulans dengan lebih cepat dan cekap bagi proses penghantaran dan pengambilan pesakit COVID-19

**Qatar Environment and Energy Research Institute (QEERI)**

Kerjasama meliputi bidang penyelidikan di dalam *integration solar energy* yang lebih spesifik kepada *power system* menggunakan teknologi *Artificial Intelligence, Big Data, Machine Learning* dan *Internet of Things (IoT)*. Hasil kerjasama ini memberi peluang kepada AIBIG untuk memohon geran penyelidikan antarabangsa dari Qatar National Research Fund bersama QEERI.



D. GERAN PENYELIDIKAN



E. LATIHAN

1. PUSAT LATIHAN

IR4.0 COMPETENCE CENTRE

Sebuah pusat latihan yang akan menganjurkan dan menyediakan latihan pensijilan profesional serta kursus umum berkaitan teknologi IR4.0 dalam mengembangkan dan menerapkan teori, teknologi dan aplikasi dalam bidang AI, data raya, *mechine learning*, *Internet of Thing* dan lain-lain kepada pelajar, staf, industri serta masyarakat. Pusat ini dalam peringkat akhir pengubahsuaian dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2021.

2. LATIHAN STAF

NO.	JENIS LATIHAN	NAMA STAF
1.	Huawei HCIA in Artificial Intelligence Certification	Prof. Dr. Siti Zaiton Binti Mohd Hashim
		Prof. Madya. Dr. Nooraini Binti Yusoff
		Dr. Muhammad Akmal Bin Remli
		Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong

2.	Microsoft Designing and Implementing an Azure AI Solution Certification	Prof. Madya Ts. Dr. Tan Tse Guan
3.	Huawei HCIA-Routing & Switching Certification	Ts. Dr. Hadhrami Bin Ab Ghani
4.	Microsoft Designing and Implementing a Data Science Solution on Azure Certification	Dr. Nurul Izrin Binti Md Saleh
5.	Microsoft Power BI Certification	Dr. Hasyiya Karimah Binti Adli
		Noradilah Binti Ismail
		Tuan Mohd Nizam Bin Tuan Mustapa
6.	SAP Analytics Cloud	Dr. Muhammad Akmal Bin Remli

F. ANUGERAH/PENCAPAIAN

NO	NAMA PROJEK/ PRODUK	PAMERAN	AWARD
1.	Low Cost of Temperature-controlled Apparatus For Pigment Extraction Using Cloud Monitoring	UMK eCRI2020	Bronze
2.	High Precision of Solar Tracking System For Smart Irrigation System Using IoT	UMK eCRI2020	Silver
3.	“Neuro-Therapy” game	Sintok International Games & Gamification (SIGG) 2020	Gold Medal

G. AKTIVITI AIBIG



MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT

- Pada 9 Januari 2020, AIBIG telah mengadakan mesyuarat majlis penasihat yang bertempat di UMK Kampus Kota.
- Mesyuarat majlis penasihat ini dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Ismail, Naib Canselor UMK dan dihadiri oleh Pengarah AIBIG, YBhg. Prof. Dr. Mohd Saberi Mohamad, dan Pengerusi KESEDAR, YBhg. Dato' Sazmi Miah.



MESYUARAT PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PROGRAM PASCASISZAWAH PENYELIDIKAN

- Pada 11 Mac 2020, AIBIG mengadakan mesyuarat penyediaan kertas cadangan program pascasiswazah penyelidikan dalam bidang teknologi maklumat yang akan ditawarkan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Mesyuarat ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota.
- Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah AIBIG; YBhg. Prof. Dr. Mohd Saberi Mohamad dan dihadiri oleh felo-felo AIBIG serta pensyarah-pensyarah Fakulti BioKejuruteraan dan Teknologi (FBKT).



MESYUARAT PENILAIAN KESEPAKARAN STAF FAKULTI BIOKEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI UNTUK PROGRAM TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Pada 11 Mac 2020, AIBIG telah mengadakan satu mesyuarat mengenai penilaian kesepakan staf dari Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) untuk program teknologi maklumat.
- Mesyuarat diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota yang dipengerusikan oleh Pengarah AIBIG, YBhg. Prof. Dr. Mohd Saberi Mohamad dan felo-felo AIBIG serta pensyarah-pensyarah Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT)
- Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah AIBIG, YBhg. Prof. Dr. Mohd Saberi Mohamad, dan beberapa kakitangan UMK yang lain.



BENKEL PERANCANGAN STRATEGIK AIBIG

- AIBIG buat pertama kalinya telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik yang berlangsung selama dua hari, iaitu pada 16 dan 17 Mac 2020 bertempat di Bilik Operasi Peperiksaan, UMK Kampus Kota.
- Bengkel ini dipengerusikan oleh Pengarah AIBIG, YBhg. Prof. Dr. Mohd Saberi Mohamad yang melibatkan semua felo dan staf pentadbiran di AIBIG, termasuklah felo bersekutu AIBIG.



KERJASAMA PENYELIDIKAN AIBIG BERSAMA QATAR ENVIRONMENT AND ENERGY RESEARCH INSTITUTE (QEERI)

- Pada 18 Ogos 2020, satu perbincangan telah diadakan mengenai kolaborasi penyelidikan bersama Qatar Environment and Energy Research Institute (QEERI) secara dalam talian. QEERI telah diwakili oleh YBrs. Dr. Ing. Mohd Zamri Che Wanik yang merupakan penyelidik dalam bidang *Power and Energy*.
- Kerjasama AIBIG dengan QEERI meliputi bidang penyelidikan di dalam integration solar energy yang lebih spesifik kepada power system menggunakan teknologi *Artificial Intelligence, Big Data, Machine Learning* dan *Internet of Things (IoT)*.
- Hasil kerjasama ini memberi peluang kepada AIBIG untuk memohon geran penyelidikan antarabangsa dari Qatar National Research Fund bersama QEERI.



MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA UMK & HUAWEI TECHNOLOGIES (MALAYSIA) SDN. BHD. UNTUK MEMPERKASAKAN KEPINTARAN BUATAN DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- Delegasi kunjungan hormat UMK yang diketuai oleh Naib Canselor ke Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) berkenaan sumbangan *HCIA-Routing & Switching Lab* kepada UMK. Kerjasama lain yang telah dijalankan di antara UMK dan Huawei termasuklah *Huawei Authorized Information and Network Academy Agreement* yang mengiktiraf UMK sebagai *Huawei ICT Academy Partner*. Sehingga kini, empat orang Felo Tetap AIBIG telah mendapat pensijilan profesional *HCIA-Artificial Intelligence (HCIA-AI)*.
- Selain daripada itu, UMK telah menggabungkan modul Huawei ke dalam kurikulum Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dalam bidang Kepintaran Buatan dan Data Raya di mana Huawei dilantik sebagai ahli dalam Jawatankuasa Penasihat Luar Akademik bagi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat. Selain itu, UMK dan Huawei akan memantapkan lagi kerjasama antaranya ialah Huawei AI Education yang akan dijalankan di sekolah-sekolah bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) bagi membolehkan pelajar tersebut mendapat pendedahan awal berkenaan teori dan praktikal dalam bidang Kepintaran Buatan.



PERBINCANGAN KERJASAMA DI ANTARA UMK & MICROSOFT MALAYSIA SDN. BHD. UNTUK PELAN PERLAKSANAAN MICROSOFT LEARN FOR EDUCATOR

Kunjungan AIBIG pada 22 September 2020 ini berkisar kepada cadangan pelaksanaan Program *Microsoft Learn for Educator* untuk UMK. Program ini adalah inisiatif Microsoft untuk menyediakan institusi pendidikan dengan sumber yang komprehensif bagi membolehkan pendidikan secara inovatif serta memberi UMK akses kepada kurikulum, bahan latihan dan sokongan integrasi kelas yang disediakan oleh Microsoft.



BENKEL PEMURNIAN KERTAS CADANGAN GERAN KONSORTIUM, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Pada 26 September 2020, satu bengkel berkenaan Pemurnian Kertas Cadangan Geran Konsortium, Kementerian Pengajian Tinggi telah diadakan bertempat di UMK Kampus Kota yang dihadiri oleh semua felo dan staf AIBIG.



KERJASAMA AKADEMIK DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DENGAN YAYASAN ISLAM KELANTAN

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sedang menjalankan kerjasama dengan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dalam usaha menghasilkan graduan Tahfiz dalam bidang Teknologi Maklumat Lanjutan (*Artificial Intelligence* dan *Data Science*). Satu perbincangan berkaitan kerjasama ini telah diadakan di Yayasan Islam Kelantan dan dipengerusikan oleh Pengarah YIK pada 1 Oktober 2020. Kerjasama UMK-YIK ini merangkumi tiga program akademik iaitu Program Asasi Tahfiz-IT UMK-YIK, Program Pensijilan *Artificial Intelligence* dan *Data Science* dan Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat berserta Syahadah Tahfiz.




PENSIJILAN PROFESIONAL (SAP CERTIFIED APPLICATION ASSOCIATE - SAP ANALYTICS CLOUD)

- Kursus pensijilan profesional (SAP Certified Application Associate - SAP Analytics Cloud) di bawah inisiatif PENJANA HRDF – INDUSTRY REVOLUTION 4.0 (IREV 4.0).
- YBrs. Dr. Muhammad Akmal Bin Remli, Felo Tetap AIBIG telah menghadiri sesi taklimat yang diadakan pada 3 Oktober 2020 dan peperiksaan pensijilan profesional yang diadakan pada 3 Oktober 2020.



BENKEL WINNABLE ICT INTERNATIONAL GRANT APPLICATION


- Satu bengkel bertajuk *Winnable ICT International Grant Application* telah dijalankan secara dalam talian pada 18 Oktober 2020. AIBIG telah menjemput YBhg. Prof. Dr. Widad binti Ismail yang merupakan pengasas dan profesor di Auto- ID Research Laboratory (AIDL) daripada Universiti Sains Malaysia.
- Bengkel ini bertujuan untuk memberi motivasi, bimbingan dan tunjuk ajar kepada penyelidik UMK untuk memohon geran antarabangsa.



SESI PERCUBAAN PEMBANGUNAN APLIKASI INOVASI DIGITAL (INTELLIGENCE REMOTE MEDICAL SERVICES SYSTEM FOR COVID-19)

- Pada 14 Oktober 2020, YBhg. Prof. Dr. Mohd Saberi bin Mohamad telah menjalankan sesi percubaan ke atas pembangunan aplikasi digital (*Intelligence Remote Medical Services System for Covid-19*) yang bertempat di Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

Ambulances Real-Time Tracking System for Covid-19



APLIKASI AMBULANCES REAL-TIME TRACKING SYSTEM FOR COVID-19

Encik Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong, Felo Bersekutu AIBIG telah menjalankan satu projek berkaitan COVID-19 iaitu aplikasi *Ambulances Real-time Tracking System For COVID-19* yang bertujuan untuk mempercepatkan proses penghantaran dan pengambilan pesakit. Para petugas kesihatan dapat menguruskan masa dari segi persiapan penghantaran dan penerimaan pesakit. Secara tidak langsung, petugas kesihatan dapat mengoptimumkan produktiviti mereka.



PENSIJILAN PROFESIONAL – DESIGNING AND IMPLEMENTING A DATA SCIENCE SOLUTION ON AZURE

- Kursus pensijilan profesional – *Designing and implementing a Data Science Solution on Azure* bertujuan melatih *Data Scientist* menggunakan *Python dan Machine Learning* menguruskan data menggunakan platform Microsoft Azure.
- YBrs. Dr. Nurul Izrin Binti Md Saleh telah menjalani kursus ini dan akan menduduki peperiksaan untuk mendapatkan pensijilan profesional daripada Microsoft.

Artikel akhbar diterbitkan dalam New Straits Times bertarikh 30 Disember 2020.

Harnessing Artificial Intelligence

KOTA BARU

THE Covid-19 pandemic worldwide has made a significant impact on the economy and employment in various sectors. As a result of lockdowns all over the world, changes have had to be made in order for life to continue with as little disruption as possible.

This has largely been made possible with Artificial Intelligence (AI), a branch of computer science that allows machines such as robots, computers, telephones, applications or systems to perform certain tasks similar or beyond human intelligence, according to Universiti Malaysia Kelantan Department of Data Science lecturers Associate Professor Dr Nooraini Yusof and Dr Muhammad Akmal Remi.

Nooraini and Akmal, who are both research fellows at the Institute of Artificial Intelligence and Public Data, are of the opinion that AI technology is rapidly developing and are around us in our everyday life.

"Many elements of AI, especially those embedded in smartphones, have been successfully produced. These include the ability to predict one's age, suggesting words and sentences to be written in email, suggesting items to purchase on the online platforms, and more.

"AI technology impacts various sectors, including video games, self-driving/self-parking capabili-



Dr Nooraini Yusof

ties and personal assistants who can manage tasks through voice commands only.

"All these technologies cannot be achieved without proper research, data and AI technology development methods," they said.

To strengthen AI technology and its adoption in the country for the coming year, adequate training and knowledge are required.

"Many people use the word AI arbitrarily without basic knowledge of the term. Therefore, we must first know the true concept of AI and methods related to this concept such as machine learning, deep learning, neural network, optimi-

sation and others.

"We also need to know what are the limits and capabilities of AI now and in the future.

"Can everyday tasks be completed with AI? Is there a difference between an embedded AI system/application and a conventional system? For those who are still new and want to learn more about AI, the easiest way is to go on the Internet or following courses offered by various parties," said Nooraini.

Another important aspect is the accessibility and quality of data, as automation or prediction resulting from AI technology is based on ex-

isting data. Abundant and quality data will affect the effectiveness and accuracy of AI-based applications.

"For example, to build an AI application that can help predict a job that is appropriate for a student, adequate and quality data will be needed.

"The application requires data from at least 1,000 former students along with relevant attributes such as interests, grades obtained, study methods and occupations. This will enable the computer to study the existing data effectively and then be able to make accurate predictions about the type of job that is most suitable for a student.

"Adequate use of data is also important in various other sectors, such as health. For example, in the field of medicine, visual computing technology using certain AI techniques are able to detect early stage brain tumours. Such technology requires at least 1,000 magnetic resonance imaging (MRI) pictures of patients with variations of brain tumours for it to make a good prognosis. Inaccurate predictions will result if the AI is trained with insufficient MRI image samples.

"Therefore, in order to develop good forecasting, it is necessary to first resolve issues related to accessibility and data quality," said Akmal.

"Next year and post-Covid-19, various problems can be solved

with the help of AI technology. Researchers should take this opportunity to help rebuild the country in various sectors using their expertise in the field of AI.

The time has come for research results that are fundamental in nature to be translated into real-world applications," said Nooraini.

Various initiatives from different parties need to be continued and strengthened to increase public awareness of AI.

These include providing financial assistance to hold workshops and training for graduates, digital entrepreneurs and the general public.

"The industry needs to get a special fund injection to stimulate the implementation of AI technology in improving their operations. The research allocation from the government should also be continued to enable researchers among academics to continue to produce high-impact AI research that can benefit the country," added Nooraini.

Both researchers agreed that AI technology is growing rapidly and should be made one of the main agendas of the country.

"AI will become smarter over time. Therefore, we must take this opportunity to continue to explore and provide opportunities for this technology to grow so that various innovations can be produced while driving economic growth and national development."



research.umk.edu.my



www.facebook.com/UMKresearch

ISSN 2716-6503



9 772716 650008 >

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Universiti Malaysia Kelantan,
16300 Bachok Kelantan

No Tel : 09-7797736 Email : tncpi@umk.edu.my